

PERAWI-PERAWI AL-MUDALLIS DALAM *ṢAḤĪḤ IBN ḤIBBĀN*: PERBANDINGAN KRITIKAN ANTARA IBN ḤIBBĀN DAN AHLI *NUQQĀD*

Mohd Nor Adli Bin Osman
Muhamad Rozaimi bin Ramle

ABSTRACT

Kitab Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān adalah satu khazanah yang bernilai dalam deretan kitab ḥadīth yang telah diwarisi sejak zaman al-mutaqaddimīn. Oleh itu, memahami dan mengkaji metodologi kitab tersebut adalah salah satu usaha murni bagi mengetahui ketinggian ilmu penulis kitab ini. Apabila menelusuri kitab ini maka telah di ketahui terdapat beberapa perawi al-mudallis yang telah dimasukkan oleh penulis ini. Meskipun di awal penulisan kitab tersebut mengatakan tidak akan berhujah dengan perawi-perawi yang bertaraf al-mudallis. Kajian ini bertujuan untuk melihat kritikan yang telah diberikan oleh beberapa ahli nuqqād terhadap perawi yang telah dinilai oleh Ibn Ḥibbān sebagai al-mudallis. Serta didatangkan juga beberapa contoh riwayat bagi menggambarkan situasi tersebut. Seperti yang telah sedia maklum, Ibn Ḥibbān termasuk dalam kalangan ahli nuqqād yang mudah untuk menta'dilkan seseorang perawi. Justeru itu, kajian ini akan membandingkan antara pandangan ahli nuqqād dengan pandangan Ibn Ḥibbān terhadap seseorang perawi, adakah mereka bersepakat atau sebaliknya dalam membuat penilaian. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif berbentuk analisis dokumen. Hasil kajian ini mendapati bahawa, penilaian al-mudallis yang diberikan oleh Ibn Ḥibbān dan ahli nuqqād adalah sama. Tetapi mereka berbeza pandangan dalam menentukan kategori al-tadlīs pada seseorang perawi berdasarkan ijtihād masing-masing. Ilmu ini mempunyai kepentingan yang tersendiri, kerana secara tidak langsung akan mengetahui bahawa kedudukan al-Jarah wa al-Ta'dīl pada diri seseorang perawi tidak mempengaruhi perawi itu terselamat dari meriwayatkan secara al-mudallas atau tidak.

Kata kunci: Ahli nuqqād, al-Mudallis, al-Mudallas, al-Jarah wa al-Ta'dīl

PENGENALAN

Kitab *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* adalah salah satu kitab yang menjadi khazanah sangat bernilai kepada para pengkaji ilmu. Apabila kita menelusuri dan mengkaji kitab tersebut, maka kita akan mendapati terdapat beberapa riwayat yang telah dinilai sebagai *al-mudallas* yang mana ianya telah diriwayatkan oleh beberapa perawi yang telah dinilai sebagai seorang *al-mudallis* oleh Ibn Ḥibbān.

Oleh itu, perawi-perawi tersebut terdedah dengan beberapa kritikan dari ahli *nuqqād* kerana mereka meriwayatkan ḥadīth dengan lafaz *'an*. Justeru itu, apabila seseorang perawi itu menggunakan lafaz tersebut, maka secara tidak langsung riwayat itu dikenali dengan riwayat *al-mudallas* iaitu salah satu pecahan daripada ḥadīth *ḍho'if*. Sekiranya seseorang perawi itu melakukan *al-tadlīs*, maka ianya dapat dilihat kepada tiga bahagian yang utama iaitu adakah perawi itu melakukan *Tadlīs al-Isnād*, *Tadlīs al-Syūyūkh* dan *Tadlīs al-Taswīyah*, berdasarkan kepada penilaian ahli *nuqqād* pada diri seseorang perawi dan ini juga adalah secara bahagian *al-tadlīs*.

Oleh itu, adalah menjadi keperluan kepada penulis untuk melihat dan menilai setiap perawi yang telah dinilai sebagai *al-mudallis* oleh Ibn Ḥibbān dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Agar para pengkaji dapat mengetahui secara menyeluruh setiap kritikan yang dilemparkan kepada perawi-perawi tersebut. Jadi, kajian pada kertas kerja ini secara umumnya akan menjelaskan adakah penilaian Ibn Ḥibbān kepada seseorang perawi senada dengan penilaian ahli *nuqqād* yang lain atau sebaliknya.

PERAWI-PERAWI AL-MUDALLIS DAN KRITIKAN

1) Ḥabīb bin Abī Thābit

Beliau adalah salah seorang tokoh pada zamannya, walaupun begitu beliau telah dikenali sebagai salah seorang perawi *al-mudallis* kerana banyak melakukan *tadlīs* dalam perawiyatannya. Oleh itu beliau berhadapan dengan beberapa kritikan oleh sebahagian ahli *nuqqād*, umpamanya seperti yang telah dinyatakan oleh Ibn Khuza'imah dan al-Dāraquthnī juga telah menyatakan Ḥabīb bin Abī Thābit terkenal dengan banyak melakukan *al-tadlīs* (Iṭḥāf Zawī al-Rusūkh biman Rumīya bi al-Tadlīs min al-Syūyūkh, 2010).

Demikian juga terdapat beberapa riwayat Ḥabīb bin Abī Thābit yang meriwayatkan daripada 'Urwah bin al-Zubair seperti riwayat Nabi *ṣallallahu 'alaihi wasallām* mencium sebahagian isterinya kemudian baginda *ṣallallahu 'alaihi wasallām* keluar menunaikan solat dan tidak berwudhu, yang diriwayatkan dalam *Kitab al-Sunan al-Kubrā* (al-Sunan al-Kubrā, 1994). Riwayat ini telah diulas dalam beberapa kitab *'illal*, antaranya *Kitab 'Illal al-Dāraquthnī*. Menurut al-Dāraquthnī, Ḥabīb bin Abī Thābit tidak pernah mendengar apa pun riwayat daripada 'Urwah bin al-Zubair ('Illal al-Darāquthnī, 1085). Demikian juga pada riwayat yang terdapat di dalam sanadnya Ḥabīb bin Abī Thābit meriwayatkan daripada 'Āsim bin Ḍamrah. Ibn Abī Ḥātim telah mengkritik riwayat mereka berdua dengan berkata:

"aku telah mendengar bapaku berkata bahawa beliau telah mendengar 'Alī bin al-Madīnī: berkata Ḥabīb bin Abī Thābit tidak pernah meriwayatkan daripada 'Āsim bin Ḍamrah melainkan hanya satu ḥadīth sahaja" (al-Marāsīl Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī, 2009)

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Ibn Ḥibbān juga telah menilai perawi ini sebagai seorang *al-mudallis* seperti mana penilaian ahli *nuqqād* yang lain: “*beliau telah wafat dalam bulan Ramadhan tahun ke 119 hijrah dan beliau adalah al-mudallis*” (al-Thiqāt, 1975)

2) Al-Ḥasan bin Abī Al-Ḥasan al-Baṣrī

Adapun dari segi periwayatan ḥadīth, al-Ḥasan al-Baṣrī telah melakukan *al-tadlīs* dalam meriwayatkan sesebuah ḥadīth. Terdapat beberapa ahli *nuqqād* yang menyebutkan bahawa al-Ḥasan al-Baṣrī telah melakukan *al-tadlīs* ketika meriwayatkan ḥadīth dari kalangan para sahabat. Umpamanya al-Baiḥaqī, beliau mengatakan al-Ḥasan al-Baṣrī tidak pernah mendengar riwayat daripada Abū Sa’īd al-Khudrī. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh al-Baiḥaqī:

sesungguhnya al-Ḥasan al-Baṣrī tidak pernah mendengar riwayat daripada Abū Sa’īd al-Khudrī” (Syu’ab al-Imān, 2003)

Selain al-Baiḥaqī, ‘Alī al-Madīnī telah menyatakan al-Ḥasan al-Baṣrī telah melakukan *al-tadlīs* dengan meriwayatkan daripada beberapa para sahabat dalam keadaan beliau tidak pernah mendengar riwayat daripada mereka. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh al-Imām al-‘Alāī dalam kitabnya *Jāmi’ al-Taḥṣīl fī al-Aḥkām al-Marāsīl*:

telah berkata ‘Alī al-Madīnī: al-Ḥasan telah berjumpa Umm Salamah, tetapi beliau tidak pernah mendengar daripadanya, dan tidak juga pada Abū Mūsā al-‘Asy’arī, dan tidak juga daripada al-Aswad bin Sarī, dan tidak juga daripada al-Dḥaḥāk bin Sufyān, dan tidak daripada Jābir, dan tidak daripada Abū Sa’īd al-Khudrī, dan tidak daripada Ibn ‘Abbās, dan tidak daripada ‘Abd Allah bin ‘Umar, dan tidak daripada ‘Amrū bin Taghlib, dan tidak pernah mendengar daripada Abī Barzah al-Aslamī, dan tidak daripada ‘Imrān bin Ḥuṣaīn, dan tidak daripada an-Nu’mān bin Basyīr, dan tidak pernah mendengar langsung sesuatu daripada Usāmah bin Zaid, dan tidak daripada ‘Uqbah bin ‘Amir, dan tidak daripada Abi Tha’labah al-Khusyānī. (Jāmi’ al-Taḥṣīl fī al-Aḥkām al-Marāsīl, 1989)

Selain itu, terdapat beberapa perawi lain yang mana al-Ḥasan al-Baṣrī meriwayatkan dari mereka secara *al-mudallas*, seperti Samurah bin Jundub yang dinyatakan antaranya oleh Quraisy bin Anas (Tahdhīb al-Kamāl fī Asma’ al-Rijāl, 1980) Abu Ḥātim turut mengatakan ‘Imrān bin Ḥuṣaīn tidak pernah meriwayatkan daripada al-Ḥasan bin al-Baṣrī (Taḥqīq Juzu’ min ‘Ilal Ibn Abī Ḥātim, 2011), demikian juga pada Uthmān bin Abī al-‘Āṣ yang telah dinyatakan oleh al-Munzirī. (Jamu’ al-Fawāid min Jāmi’ al-Uṣūl wa Majma’ al-Zawāid, 1998)

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Menurut al-Imām Ibn Ḥibbān juga telah menilai beliau sebagai *al-mudallis*, berdasarkan penilaian beliau:

“*usia beliau adalah 89 tahun dan beliau adalah al-mudallis*” (al-Thiqāt, 1975)

3) Sulaīmān al-A’ masyh

‘Abd Allah al-‘Ijlī mengatakan beliau adalah tokoh ḥadīth pada zamannya ketika di Kūfah. Walau bagaimanapun menurut Ibn al-Mubārak, beliau telah merosakkan riwayat daripada pendudukan Kūfah, hal ini seperti mana yang telah dinyatakan pada kenyataan ini:

“*sesungguhnya telah rosak riwayat-riwayat dari ahl kūfah disebabkan Abū Ishāq dan al-A’ masyh*” (Mīzān al-‘Itidāl, 1963)

Kebanyakan para ulama’ silam apabila ditanya berkenaan dengan al-A’ masyh, mereka memujinya seperti Yahyā bin Ma’in, an-Nasāie, Sufyān bin ‘Uyāinah, Yahya al-Qatḥān dan sebagainya. Tetapi dari segi periwayatan ḥadīth beliau telah banyak melakukan *al-tadlīs*, oleh itu periwayatannya itu telah dikritik oleh beberapa ahli *nuqqād*. Sebagai contohnya, ‘Abu al-Ḥusīn bin al-Munādī mengatakan al-A’ masyh telah berjumpa Anas bin Mālik dan Abū Bakrah tetapi beliau tidak pernah mendengar riwayat dari mereka (Tahdhīb al-Kamāl fī Asma’ al-Rijāl, 1980). Terdapat juga beberapa perawi lain yang telah dinyatakan oleh para ahli *nuqqād* yang mengkritik periwayatan al-A’ masyh, seperti al-Imām Aḥmad beliau mengkritik apabila al-A’ masyh meriwayatkan daripada Syimir bin ‘Aṭīyyah (Marāsīl Li Ibn Abī Ḥātim, 2012).

Selain itu, para pengkaji dapat melihat kritikan Abu Zur’ah terhadap periwayatan al-‘A masyh:

telah berkata Abū Zur’ah: al-A’ masyh tidak mendengar daripada Ikrimah sesuatu dan tidak daripada Ibn Sīrīn dan tidak daripada Sālim bin ‘Abd Allah” (Jāmi’ al-Taḥṣīl Fī Aḥkām al-Marāsīl, 2010)

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Manakala kritikan al-Imām Ibn Ḥibbān pada beliau adalah:

“*dan beliau tidak mendengar darinya (Anas bin Mālik) melainkan beberapa huruf, beliau (al-A’ masyh) adalah seorang al-mudallis*” (al-Thiqāt, 1975)

4) Ibn Jurajī

Nama beliau adalah Abd al-Mālik bin ‘Abd al-‘Azīz bin Jurajī al-Qurasyī. Tidak dinafikan beliau seorang ‘alim dalam ḥadīth tetapi beliau tidak terlepas dari melakukan *al-tadlīs*, justeru itu, terdapat beberapa ahli ḥadīth yang mengkritik meriwayatkan beliau, sebagai contohnya Ibn Ḥajar yang telah menyatakan beliau adalah salah seorang perawi *al-mudallis*:

Ibn Jurajī adalah seorang al-mudallis beliau meriwayatkan secara ‘an’annah” (al-Talkhīṣ al-Ḥabīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfaie al-Kabīr, 2010).

Justeru itu, apabila beliau meriwayatkan dengan menggunakan lafaz ‘an, maka perlu dianalisa periwayatan tersebut. Antara kritikan berkaitan dengan *al-tadlīs* adalah seperti yang telah dinyatakan oleh al-Darāquthnī:

"kejahatan al-tadlīs pada Ibn Jurāij, maka sesungguhnya beliau melakukan al-tadlīs yang teruk, beliau tidak melakukan al-tadlīs kecuali setelah mendengar dari perawi-perawi yang majruh"(Silsilah al-Aḥādīth al-Wāḥīyah wa Ṣaḥīḥu Ḥadīthuka, 2010)

Selain itu ahli *nuqqād* yang lain seperti al-Bukhārī dan Ibn al-Mulaqqin, juga mengkritik apabila Ibn Jurāij meriwayatkan daripada `Amrū bin Syu`āib (Al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Ḥadīth wa al-Āthār al-Wāqī`ah fī al-Syarah al-Kabīr, 2010)

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Manakala pada pandangan Ibn Ḥibbān, beliau juga melihat Ibn Jurāij adalah salah seorang perawi *al-mudallis*. Beliau telah memberi komentar terhadap perawi tersebut:

"Ibn Jurāij adalah ahli dalam bidang fiqh di al-Hijjāz, penghafaz al-Qur`ān dan perawi-perawi yang hebat, dan beliau juga sering melakukan al-tadlīs"(al-Thiqāt, 1975)

5) `Amrū bin `Abd Allah al-Sabī`ī Abū Ishāq

Jika dilihat dalam periwayatan ḥadīth, beliau juga turut dikritik oleh beberapa ahli *nuqqād* seperti yang telah dinyatakan oleh Ibn al-Mulaqqin:

dan Abū Ishāq tidak mendengarnya daripada al-Ḥārith bin al-Azma"(Al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Ḥadīth wa al-Āthār al-Wāqī`ah fī al-Syarah al-Kabīr.2010). Malahan al-Nasāie juga turut menyatakan bahawa Abū Ishāq adalah seorang *al-mudallis*:
"Abū Ishāq adalah seorang *mudallis*, beliau meriwayatkan secara `an`annah..." (al-Tahjīlu fī Takhrīj Mā Lam Yukhrīj Minal Aḥādīth wa al-Āthār fī Irwā` al-Ghalīl, 2009

Para pengkaji juga boleh melihat penilaian ahli *nuqqād* apabila Abū Ishāq meriwayatkan daripada al-Barā` bin `Āzib. Seperti yang telah dinyatakan oleh `Abd al-Raḥmān al-Nāsāie:

"Abū Ishāq tidak mendengar dari al-Bara`"(Al-Musnad al-Jāmi`, 2010)

Apabila Abū Ishāq meriwayatkan daripada `Alqamah juga periwayatannya telah dikritik berdasarkan kepada kenyataan al-Baiḥaqī:

"dan semuanya terputus apabila Abū Ishāq tidak pernah mendengar sesuatu daripada `Alqamah"(Naṣab al-Riwāyah, 1938)

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Pandangan Ibn Ḥibbān juga senada dengan beberapa ahli *nuqqād* yang lain, yang berpandangan Abū Ishāq juga adalah seorang *al-mudallis* berdasarkan kepada ulasan beliau:

"beliau (Abū Ishāq al-Sabī`ī) adalah seorang *al-mudallis* dan adalah *as-Sya`bī* lebih berumur darinya setahun atau dua tahun"(al-Thiqāt, 1975)

6) Qatādah bin Di`āmah

Kebanyakan para sarjana Islam memuji ketinggian ilmu Qatādah, antara mereka adalah Ma`mar, apabila beliau bertanya kepada al-Zuhrī tentang Qatādah dan Makhūl, maka beliau menjawab Makhūl hanya mengetahui sedikit sahaja jika dibandingkan dengan Qatādah, bahkan Ma`mar juga mengatakan bahawa Qatādah, Ḥammād dan al-Zuhrī, mereka tergolong dalam kalangan yang sangat *faqīh*. Walaupun begitu, beliau tidak terlepas daripada kritikan para ahli *nuqqād* apabila meriwayatkan ḥadīth, kerana banyak melakukan *al-tadlīs* dalam periwayatannya. Al-Darāquthni juga menilai beliau sebagai seorang yang *al-mudallis*:
Qatādah walaupun beliau adalah perawi yang thiqah dan zaiyadah al-thiqah diterima tetapi beliau adalah melakukan al-tadlis"(Al-Ilzāmāt wa al-Tatabbu`, 1985)

Menurut Abū `Alī al-Lu`lu`ī juga pernah mengatakan bahawa beliau ada mendengar Abū Daūd mengkritik apabila Qatādah meriwayatkan dari Abū Rāfi`. Berdasarkan kepada kenyataan ini:

"aku mendengar Abū Dāūd berkata: Qatādah tidak mendengar sesuatu riwayat daripada Abī Rāfi`"(Al-Musnad al-Jāmi`, 2010)

Riwayat Qatādah daripada `Ikrimah yang telah dikritik oleh Ibn Qudamah al-Maqdisī adalah:

"sesungguhnya Qatādah tidak mendengar daripada `Ikrimah"(Al-Muntakhab Min al-`Illal Li Khallal, 1998). Terdapat juga kritikan apabila Qatādah meriwayatkan daripada Abū Qilābah, seperti yang telah dinyatakan oleh al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal, yang mengatakan bahawanya Qatādah tidak mendengar daripada Abū Qilābah (Tahqīḥ al-Taḥqīq fī Aḥādīth al-Taḥqīq, 2008) Walaupun mereka hidup sezaman tetapi apabila Qatādah bin Di`āmah meriwayatkan daripadanya maka beliau telah melakukan *al-tadlīs* pada riwayat tersebut.

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Adapun menurut Ibn Ḥibbān, beliau juga telah dikritik kerana beliau juga adalah seorang *al-mudallis*. Kritikan tersebut adalah berdasarkan ungkapan beliau:

beliau wafat di Wāsiṭ dalam keadaan beliau di tuduh sebagai Qadarīyah, dan wafat pada tahun 117 hijrah dan (wafat) pada usianya 56 tahun, dan beliau adalah seorang al-mudallis"(al-Thiqāt, 1975)

7) Muḥammad bin Ishāq bin Yasār

Dalam periwayatan ḥadīth beliau telah berhadapan dengan beberapa kritikan sebagai seorang yang melakukan *al-tadlīs* apabila meriwayatkan sesebuah ḥadīth. Justeru itu, terdapat beberapa ahli *nuqqād* yang telah mengkritik periwayatan beliau. Sebagai contohnya, seperti mana yang telah dinyatakan oleh Ibn Khuzaīmah, apabila beliau meriwayatkan daripada Muḥammad bin Muslim atau lebih dikenali dengan gelaran al-Zuhrī:

aku mengecualikan kesahihan khabar ini, kerana aku khuatir Muḥammad bin Ishāq tidak mendengar dari Muḥammad bin Muslim dan sesungguhnya dia telah melakukan tadlīs daripadanya." (Al-Musnad al-Jāmi', 2010)

Al-Baiḥaqī juga turut mengkritik riwayat beliau dari al-Zuhrī dengan katanya:

"ia adalah daripada al-tadlīs Muḥammad bin Ishāq bin Yasār dan sesungguhnya dia tidak mendengar daripada al-Zuhri(pada ḥadīth ini)"(Nāfilah Fī al-Aḥādīth al-Ḍhoīfah wa al-Bāṭilah, 2010). Yahya bin Ma'īn juga mengkritik apabila Ibn Ishāq meriwayatkan daripada Ṭalḥah bin Nāfi, yang mana kedua-dua mereka adalah al-ṭabi'in. Kritikan tersebut dapat dilihat pada kitab *Tārīkh Ibn Ma'īn*:

"Muḥammad bin Ishāq tidak mendengar daripada Ṭalḥah bin Nāfi`sesuatu (riwayat)" (Tārīkh Ibn Ma'īn, 1979).

Hal yang sama juga turut dinyatakan oleh Al-Imam an-Nawāwī seorang tokoh dalam mazhad al-Syāfi'e juga mengatakan Ibn Ishāq adalah seorang *al-mudallīs*:

"Ibn Ishāq seorang mudallīs, apabila beliau meriwayatkan dengan lafaz`an maka beliau adalah seorang al-mudallīs, tidak boleh berhujjah dengannya" (al-Badru al-Munīr, 2004)

i Kritikan Ibn Ḥibbān

Ibn Ḥibbān juga turut mengkritik periwayatan daripada Muḥammad bin Ishāq, beliau mengatakan Ibn Ishāq juga adalah seorang *al-mudallīs*, berdasarkan kepada ulasannya dalam *Kitab at-Thiqāt*:

"beliau melakukan tadlīs kepada perawi-perawi yang lemah maka berlakulah riwayat-riwayat yang munkar dalam periwayatannya daripada mereka"(al-Thiqāt, 1975)

8) Al-Mughīrah bin Miqdam aḍ-Ḍibbī

Beliau telah di akui oleh ramai tokoh ḥadīth bahawa beliau seorang sangat faqīh dalam ilmu ḥadīth. Walaupun begitu, beliau juga telah melakukan beberapa *al-tadlīs* dalam periwayatan. Sebagai contoh apabila beliau meriwayatkan daripada Ibrāhīm al-Nakha'ī. Perkara ini seperti mana yang telah dinyatakan oleh tokoh taḥqīq masa kini iaitu Syeikh Syū'ib al-Arnaūṭh dan turut disokong oleh al-Huwaīni, menerusi kenyataan beliau:

"maka masalah padanya(riwayat Musnad Ahmad), al-tadīs al-Mughīrah bin Maqdam, dan aku(al-Huwaīni) telah berpendapat al-Mughīrah telah menyembunyikan Syibāk dan menggugurkannya (dari sanad)" (Nāfilah Fī al-Aḥādīth al-Ḍhoīfah wa al-Bāṭilah, 2010).

Kritikan beliau ini berdasarkan riwayat yang terdapat di dalam *al-Sunan al-Kubrā*, nombor ḥadīth 18522. Walau bagaimanapun terdapat ahli *nuqqād* yang mengatakan beliau tidak melakukan *al-tadlīs* apabila meriwayatkan daripada Ibrāhīm al-Nakha'ī, seperti yang telah dinyatakan oleh Abī Wa'il (Tahdīb al-Taḥdīb, 2008) dan Abū Dāūd (Ta'rif Ahl al-Tadīs bi Marītib al-Maūṣūfīn bi al-Tadlīs, 2008). Selain itu, para pengkaji juga dapat melihat, kritikan berlaku apabila beliau meriwayatkan daripada `Abd `Azīz bin Raff'. Kritikan tersebut adalah seperti yang telah dinyatakan oleh `Abū `Abd al-Raḥman Faūzī bin `Abd Allah:

"...al-Mughīrah bin Maqdam aḍ-Ḍibbī adalah seorang mudallīs dan telah meriwayatkan dengan lafaz`an`annah, beliau tidak menjelaskan bahawa beliau mendengar ḥadīth ini"(Qalāid al-Murjān fī Takhrīj Ḥadīth Izā Ijtama' `Idān, 2011)

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Al-Imām Ibn Ḥibbān menilai perawi tersebut dengan *mudallīs* berdasarkan kepada ulasan beliau dalam *Kitab at-Thiqāt*:

"beliau wafat pada tahun 133 hijrah dan beliau adalah seorang mudallas"(al-Thiqāt, 1975)

9) Husyaīm bin Basyīr

Beliau adalah tokoh semasa zamanya, oleh itu beliau telah diberi gelaran sebagai "*Muḥaddith* Baghdād", sehingga telah disebut di dalam sejarahnya beliau lebih hebat hafalannya daripada Sufyān al-Thaūrī. Tetapi beliau juga tergolong dalam perawi yang melakukan *al-tadlīs* seperti yang telah dinyatakan oleh Ibn al-Mulaqqin yang mengatakan Husyaīm bin Basyīr melakukan *al-tadlīs* apabila meriwayatkan daripada al-Zuhrī:

"dan dengan sesungguhnya Husyaīm tidak mendengarnya daripada az-Zuhrī, maka riwayatnya daripadanya terputus" (al-Badru al-Munīr, 2004).

Al-Imām Ahmad juga mengkritik apabila Husyaīm bin Basyīr meriwayatkan daripada beberapa orang perawi antaranya seperti Yazīd bin Ziyād, al-Ḥasan bin `Ubaīd Allah, Siyār, Musā al-Juham, `Alī bin Zaīd bin Jud`ān dan beberapa perawi lain, maka beliau juga mengkritik periwayatan tersebut. Menurut al-Imām Ahmad, Husyaīm bin Basyīr tidak mendengar dari perawi-perawi tersebut dan apabila meriwayatkan daripada mereka maka riwayat tersebut adalah *al-mudallas* (Siyar A`lām al-Nubālā, 1982). Selain dari mereka, al-Imām Ahmad juga mengkritik apabila Husyaīm bin Basyīr meriwayatkan daripada `Ashim bin Kulāb:

"Husyīm bin Basyīr tidak mendengar daripada `Ashim bin Khulaīb"(Al-`Illal wa Ma`rifah al-Rijāl, 1988).

Selain itu, al-Imām Aḥmad juga mengkritik, apabila Husyīm bin Basyīr meriwayatkan dari Ya`lā bin `Aṭā berdasarkan riwayat yang terdapat di dalam Sunan Abū Dāūd, nombor ḥadīth 160, dengan komentar beliau:
"Husyīm tidak mendengar (riwayat) ini daripada Ya`lā"(Sunan Abū Dāūd, 2011).

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Al-Imām Ibn Ḥibbān turut mengkritik periwiyatan beliau dengan menilai perawi ini seorang *mudallis*. Kritikan ini adalah berdasarkan kepada pandangan al-Imām Ibn Ḥibbān:

beliau adalah seorang mudallis dan beliau adalah dari Bani Salm"(al-Thiqāt, 1975)

10) Al-Walīd bin Muslim al-Qurasyī

Beliau juga adalah salah seorang tokoh ulama` di Syām, Abū Zur`ah ad-Dimasyqī pernah mengatakan bahawa terdapat tiga orang yang mahir dalam ilmu ḥadīth iaitu Marwān bin Muḥammad, al-Walīd (bin Muslim) dan Abū Ma`shar. Walaupun beliau adalah seorang yang luas ilmunya dan tokoh pada zamannya, tetapi beliau tidak terkecuali tergolong dalam kalangan perawi yang melakukan *tadlis*. Sehingga Ibn Ḥajar mengatakan beliau adalah perawi yang banyak melakukan *tadlis*, dan diletakkan beliau pada martabat yang keempat dalam himpunan perawi *al-mudallis* (Ta`rīf Ahl al-Tadīs bi Marītib al-Maūṣūfīn bi al-Tadlīs, 2008).

Al-Walīd bin Muslim apabila meriwayatkan daripada al-`Auzā`ī beliau telah menyembunyikan perawi yang telah *dijarahkan*. Seperti apa yang telah dinyatakan oleh Yaḥyā bin Ma`īn:

"Al-Walīd mengambil riwayat daripada Ibn Abī al-Safar melalui jalan riwayat al-`Auzā`ī dan Abī al-Safar adalah seorang pendusta"(Tahdhīb al-Kamāl fī Asma` al-Rijāl, 1980).

Perkara ini juga telah dinyatakan oleh Jamāl ad-Dīn `Abd Allah az-Zāilā` ketika menilai ḥadīth:

"sesungguhnya ia adalah ḥadīth tidak ṣaḥīḥ dan al-Walīd bin Muslim mengugurkan perawi-perawi yang lemah dalam sanad dan beliau melakukan al-tadlīs"(Takhrij al-Aḥādīth wa al-Āthār al-Wāqī`ah fī Tafsīr al-Kasyāf Li Zamakhsyarī, 1994)

Al-Walīd bin Muslim adalah salah seorang contoh perawi yang melakukan *Tadlīs al-Taswīyāh* jika beliau meriwayatkan dari al-`Auzā`ī. Selain al-`Auzā`ī, al-Walīd bin Muslim juga tidak terlepas di nilai telah melakukan *tadlīs* apabila meriwayatkan daripada Abū Rāfi`. Kritikan ini juga telah dinyatakan oleh Aḥmad bin Abū Bakar al-Būṣīrī dalam kitab beliau *Miṣbāḥ al-Zujājah*:

"Abū Rāfi` mereka bersepakat beliau dha`if, dan al-Walīd bin Muslim adalah mudallis dan beliau meriwayatkan dengan lafaz `an`annah"(Miṣbāḥ al-Zujājah fī Zāwāid Ibn Mājah, 2004).

Ulasan beliau ini adalah berdasarkan pada riwayat yang terdapat di dalam *Sunan Ibn Mājah*, nombor ḥadīth 779. Aḥmad bin Abū Bakar al-Būṣīrī juga turut menilai perkara yang sama apabila al-Walīd bin Muslim meriwayatkan daripada Sa`īd bin Sinān:

"Sa`īd bin Sinān dha`if dan al-Walīd bin Muslim adalah mudallis"(Miṣbāḥ al-Zujājah fī Zāwāid Ibn Mājah, 2004)

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Al-Imam Ibn Ḥibbān juga tidak terkecuali mengkritik periwiyatan yang diriwayatkan oleh al-Walīd bin Muslim. Beliau mengatakan al-Walīd bin Muslim juga adalah seorang *al-mudallis*:

"contohnya al-Walīd bin Muslim apabila berkata: telah menceritakan kepada kami Abū `Amrū, mungkin akan disangka beliau maksudkan Al-`Auzā`ī, tetapi beliau maksudkan `Abd al-Raḥmān bin Yazīd bin Tamīm sesungguhnya kedua-dua mereka merriwayatkan daripada al-Zuhri"(Al-Majrūḥīn min al-Muḥādīthīn, 2000)

Berdasarkan ulasan ini, Ibn Ḥibbān meletakkan al-Walīd bin Muslim berada dalam kategori *al-mudallis* yang melakukan *Tadlīs al-Syūyūkh*. Walaupun begitu, para ahli *muḥadithīn* yang lain mereka meletakkan perawi ini dalam kategori *Tadlīs al-Taswīyāh*. Perbezaan ini adalah berdasarkan kepada ijtiḥad yang telah dilakukan oleh Ibn Ḥibbān.

11) Yaḥyā bin Abī Kathīr

Walaupun beliau telah mendapat pujian dari beberapa tokoh ḥadīth pada zamannya, tetapi beliau telah dikritik oleh beberapa ahli *nuqqād* kerana melakukan *tadlīs* dalam periwiyatannya. Oleh itu, beberapa ahli *nuqqād* telah mengkritik beliau seperti mana yang telah diungkapkan oleh al-`Uqāilī:

"adalah beliau disebut dengan al-tadlīs"(Tahdhīb al-Kamāl fī Asma` al-Rijāl, 1980).

Demikian juga, yang telah dinyatakan oleh Abū `Abd ar-Raḥmān an-Nasāie apabila Yaḥyā bin Abī Kathīr meriwayatkan daripada Anas bin Mālik:

Yaḥyā bin Abī Kathīr tidak mendengar daripada Anas (bin Mālik) (Al-Musnad al-Jāmi`, 2010)

Yaḥyā bin Abī Kathīr sezaman dengan Anas bin Mālik berdasarkan ulasan Dr `Alī as-Ṣayyāḥ yang telah mentahqiq kitab *Juzū` Min `Illal Ibn Abī Ḥātim*:

"Yaḥyā bin Abī Kathīr tidak mendengar daripada Ibn `Abbās, bahkan beliau tidak bertemu dengan seorang pun dalam kalangan para sahabat Nabī s.a.w, melainkan Anas(bin Mālik) maka sesungguhnya beliau telah melihatnya dan tidak mendengar riwayat darinya"(Juzū` min `Illal Ibn Abī Ḥātim, 2010).

Ibn Hajar al-`Asqalānī dan an-Nasāīe juga turut memberi ulasan pada perawi beliau:

“*Yaḥyā bin Abī Kathīr al-Yamānī adalah dalam kalangan sikhār al-tāb`in beliau terkenal banyak melakukan al-Irsāl dan beliau tidak mendengar dari sahabat dan an-Nasāīe meletakkan beliau dalam kalangan perawi yang melakukan al-tadlīs*” (Ta`rīf Ahl al-Tadlīs bi Marātib al-Maūṣūfīn bi al-Tadlīs, 2008).

Yaḥyā bin Ma`īn juga mengkritik jalur sanad yang melibatkan Yaḥyā bin Kathīr meriwayatkan daripada Zaīd bin Salām:
“*Yaḥyā bin Abī Kathīr tidak mendengar daripada Zaīd bin Salām sesuatu*” (Marāsīl, 2012)

i. Kritikan Ibn Ḥibbān

Al-Imām Ibn Ḥibbān juga turut mengkritik sanad yang melibatkan Yaḥyā bin Abī Kathīr apabila beliau meriwayatkan dengan lafaz `an`annah, kerana menurut al-Imām Ibn Ḥibbān, perawi tersebut adalah seorang *al-mudallīs*:

“*beliau adalah seorang al-mudallīs, maka apabila beliau meriwayatkan daripada Anas(bin Mālik) maka sesungguhnya beliau telah melakukan al-tadlīs daripadanya dan beliau tidak mendengar dari Anas(bin Mālik) dan tidak juga daripada para sahabat yang lain sesuatupun*”(al-Thiqāt, 1975)

KESIMPULAN

Setelah melihat kepada kritikan-kritikan yang telah diberikan oleh beberapa ahli *nuqqād* terhadap perawi-perawi tersebut, kita dapat mengetahui bahawa tidak terdapat perbezaan antara ahli *nuqqād* dengan Ibn Ḥibbān dalam menentukan seseorang perawi itu *al-mudallīs* atau sebaliknya. Tetapi Ibn Ḥibbān berbeza pandangan ketika mengkategorikan *al-tadlīs* pada seseorang perawi. Umpamanya pada al-Walīd bin Muslim, ahli *nuqqād* yang lain mereka bersepakat menentukan al-Walīd bin Muslim berada dalam kategori *Tadlīs al-Taswīyah*, tetapi tidak bagi Ibn Ḥibbān yang meletakkan perawi ini dalam kategori *Tadlīs al-Syūyūkh*. Di mana, *Tadlīs al-Taswīyah* adalah bahagian *al-tadlīs* yang paling buruk

RUJUKAN

- Abū Bakar Aḥmad bin al-Ḥusāīn. (1989). *al-Sunan al-Sughrā*. Tahqīq: `Abd al-Mu`ṭī Amīn. Pakistan
- Abū al-Ḥasan `Alī bin `Umar. (1985). *Al-Ilzāmāt wa al-Tatabbu`*. Tahqīq: Abū al-Raḥman Maqbul. Lubnan. Dar al-Kutub al-`Alamiyah.
- Abū Muḥammad `Abd al-Raḥman bin Muḥammad. (2012). *Marāsīl*. Tahqīq: Syukur Allah Ni`mat Allah Qawājānī. Beirut. Muasasah al-Risalah
- Abū Muḥammad Mūwafiq al-Dīn. (1998). *Al-Muntakhab Min al-`Illal Li Khallal*.. Tahqīq: Ṭāriq bin `Iwwād Allah. Dar al-Rāyah.
- Abū al-Ḥajjāj Jamal ad-Dīn. (2004). *Tahzib al-Kamal fi Asmā` ar-Rijāl*. Tahqīq: `Amrū Saīd Syaūkat. Lubnan. Dar al-Kutub al-`Alamiyah.
- Muhammad bin Ḥibbān. (2000). *Kitab al-Majruḥīn min al-Muḥadithīn*.(Tahqīq: Hamdi `Abd al-Majīd al-Salafi). Riyadh. Dar al-Samī`i.
- Abu Ḥātim Muhammad bin Ḥibbān (1975). *Kitab al-Thiqqāt*. Lubnan. Dar al-Kutub al-`Alamiyah.
- Sulaimān bin al-Asy`at. (2011). *Sunan Abū Dāūd*. Tahqīq: Syeikh Syūaib al-Arnaūth etc. Beirut. Dar al-Kutub al-`Arabī.
- Syihāb ad-Dīn al-Būṣṣīrī. (2004). *Miṣbāḥ al-Zujājah fi Zāwāid Ibn Mājah*. Tahqīq: `Iwād bin Aḥmad al-Syahrī. Madinah. Universiti Islam
- Aḥmad bin `Alī bin Muḥammad. (1996). *Ta`jīl al-Manfa`at bi Zāwāid Rijāl al-Immah al-Arba`ah*. Dar al-Ma`ārif al-Nizāmiyah.
- Aḥmad bin `Alī bin Muḥammad. (1980). *Ta`rīf Ahli al-Taqdīs bi Marātib al-Maūṣūfīn bi al-Tadlīs*. Tahqīq: `Aṣim `Abd Allah. Urdan. Maktabah al-Manār.
- Maḥmūd Muḥammad Khalīl. (2010). *Al-Musnad al-Jāmi`*. Beirut. Dar al-Jalīl.
- Syam ad-Dīn. Abī `Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad (1982) *Syār A`lām an-Nubālā*. Tahqīq: Syeikh Syuīb al-Arnaūth. Muasasah al-Risalah
- Sham ad-Dīn. Abī `Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad. (1963) *Mizān al-`Itidāl fi Naqd al-Rijāl*. Tahqīq: `Alī Muḥammad al-Bujāwī. Lubnan. Dar al-Ma`rifah.

Mohd Nor Adli Bin Osman
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia
Email: adliosman7726@yahoo.com

Muhamad Rozaimi bin Ramle
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia
Email: muzaharah83@gmail.com